

## Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk meneliti cara guru memberi maklum balas dalam pelajaran Bahasa Melayu pelajar Tingkatan Empat, dan kesannya terhadap kemahiran pelajar menulis karangan. Kajian ini dijalankan selama 12 minggu di dua buah sekolah dengan menggunakan pendekatan kajian kes secara kualitatif. Dua orang guru yang mempunyai latar belakang akademik dan pengalaman mengajar yang berbeza, bersama enam orang pelajar yang mempunyai pencapaian yang berbeza, dipilih sebagai fokus kajian. Tiga teknik utama digunakan untuk mengumpul data, iaitu pemerhatian, temubual, dan bukti dokumen. Teknik penyaringan, triangulasi, dan klasifikasi data telah digunakan untuk menganalisis data. Selepas data dianalisis, kesimpulan dibuat.

Dapatkan kajian menunjukkan bahawa pengajaran guru berbentuk 'discrete', iaitu terpisah-pisah antara pelajaran lisan, tatabahasa, bacaan dan kefahaman, merumuskan karangan, dan karangan. Maklum balas yang guru beri dalam setiap pelajaran juga, adalah terhad untuk pelajaran pada masa itu sahaja. Maklum balas yang diberi dalam setiap pelajaran itu juga, tidak banyak dapat membantu pelajar menulis karangan. Pelajaran karangan diajar secara 'tersendiri' dan kurang ada kaitan dengan pelajaran bahasa yang sebelum dan selepasnya.

Tindakan susulan yang dilakukan oleh guru selepas buku karangan dikembalikan kepada pelajar ialah guru akan menerangkan kehendak karangan daripada bahagian permulaan hingga ke akhir karangan. Guru juga, menunjukkan beberapa kesalahan yang dilakukan oleh pelajar. Penerangan semula ini dijalankan secara umum dan didapati kurang membantu pelajar untuk membaiki karangan mereka.

Guru memberi maklum balas bertulis terhadap karangan pelajar dan fokus mereka ialah kepada aspek-aspek mekanikal seperti kesalahan ejaan, tanda baca, pemilihan perkataan, ayat, dan tatabahasa. Guru juga memberi maklum balas terhadap isi karangan tetapi terlalu umum, dan tidak banyak mengandungi maklumat serta cadangan jelas yang boleh membantu pelajar membuat penyemakan dan pembetulan.

Dengan itu, guru perlu merancang pengajaran bahasa supaya setiap kemahiran bahasa yang diajar seperti dalam pelajaran lisan, tatabahasa, bacaan dan kefahaman, rumusan, dan karangan saling mengukuh antara satu sama lain. Ini dapat membantu meningkatkan kemahiran pelajar menulis karangan. Guru juga perlu memberi maklum balas bertulis yang khusus terhadap kesilapan dan kelemahan yang terdapat dalam karangan pelajar. Maklum balas yang diberikan itu haruslah mengandungi maklumat dan cadangan yang membolehkan pelajar membaiki hasil karangan mereka, khususnya dari segi keberkesaan penulisan karangan untuk menyampaikan maksud penulisan.

## EFFECTS OF TEACHERS' FEEDBACK ON STUDENTS' ESSAYS WRITING : A CASE STUDY

### Abstract

This study aims to look into ways of how teachers provide feedback during Malay Language lessons to Form Four students and its effect on students' essay writing. The study was carried out for twelve weeks in two schools using qualitative case study. The cases for this study comprised two teachers of different academic background and teaching experiences, and six students of different achievement levels. Data was collected through observation, interviews and analysis of documents' content. The data then was analysed by means of triangulation, classification of relevant information, and conclusion drawing.

The findings of this study reveal that the teachers tend to teach oral, grammar, reading comprehension and writing discretely. Feedback given in each lesson was also restricted related to that particular lesson. In addition, very little feedback was provided to guide students in the essay writing and there seemed to be negligible relationship between it and the lessons that had been taught previously to the students.

In term of follow-up activities, both teachers took time to explain how students should write their essay on the topic given, as well as examples of errors they made. However, it was found that the explanation was too general, and hence, it did provide much help to the students in correcting their essays.

Written feedback by both teachers on students composition tended to give prominence to mechanical aspects of the composition such as spelling errors, punctuation marks, dictation, sentence structure and grammar. Feedback on content

was given too but at a superficial level. The comments were not constructive enough to guide students to correct their writing errors.

In order to enhance the quality of composition writing by students, teachers need to plan their language lessons sequentially, so that each language skill build up on the other. It is imperative that different language skill be taught in an integrated way, and not in isolation. Apart from that, written feedback of teachers should also highlight specific errors made by students and with constructive suggestions to enable students to improve their writing.